

## Pendekatan Formula: Strategi Peningkatan Kemahiran Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Kolej Vokasional

(Formula Approach: Strategies for Improving Vocational College Students' Malay Essay Writing Skills)

Nurul Aini Binti Mohd Yunus<sup>a</sup> & Anies Faziehan Zakaria<sup>b,c,d\*</sup>

<sup>a</sup>*Unit Bahasa Melayu, Jabatan Pendidikan Umum, Kolej Vokasional Batu Lanchang*

<sup>b</sup>*Department of Engineering Education, Faculty of Engineering & Built Environment, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia*

<sup>c</sup>*Centre of Engineering Education Research, Faculty of Engineering & Built Environment, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia*

<sup>d</sup>*Kumpulan Penyelidikan Universiti Dinamika TVET, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia*

\*Corresponding Author: [aniesfaziehan@ukm.edu.my](mailto:aniesfaziehan@ukm.edu.my)

Received 22 August 2023, Received in revised form 8 March 2024

Accepted 8 April 2024, Available online 30 May 2024

### ABSTRAK

*Pembelajaran dan penulisan karangan adalah wajib bagi semua pelajar Sijil Vokasional Malaysia (SVM) di Kolej Vokasional (KV) kerana pembelajaran ini turut termaktub dalam silibus mata pelajaran Bahasa Melayu SVM. Secara umumnya, rata-rata pelajar di KV menguasai tahap lemah dan sederhana dalam penulisan karangan terutamanya cara untuk mengolah dan menghurai karangan dengan sistematik dan tersusun. Prestasi pelajar yang kurang memberangsangkan sangat ketara apabila segelintir pelajar tidak menjawab soalan bahagian karangan sewaktu Penilaian Akhir semester berlangsung sekali gus menjadi penyumbang terbesar kepada pencapaian gagal bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Tinjauan mendapati pelajar tidak menguasai cara yang sistematik dalam penulisan karangan menyebabkan mereka tidak yakin dan tidak berminat untuk menjawab soalan bahagian karangan. Untuk itu, pengkaji memperkenalkan kaedah formula dalam penulisan karangan supaya prestasi mereka dapat ditingkatkan. Terdapat 24 orang sampel kajian iaitu pelajar Program Teknologi Elektronik telah dipilih secara rawak untuk terlibat dalam kajian ini. Oleh itu, satu kajian telah dibuat melalui ujian pra dan pasca yang akan mengukur keberkesanannya. formula yang diperkenalkan oleh pengkaji kepada sampel kajian. Data yang diperoleh memperlihatkan gred pencapaian pelajar yang berubah dan turut mengalami peningkatan tahap pencapaian mengikut skor markah yang dinyatakan. Pada awalnya, ujian pra menunjukkan tiada data dari sampel kajian yang memperoleh gred A namun setelah ujian pasca dilaksanakan dengan mengaplikasikan kaedah formula dalam pengajaran dan pembelajaran, gred ini dapat dikecap oleh sampel kajian. Oleh yang demikian, kajian ini membuktikan pelajar mampu menguasai kemahiran penulisan karangan Bahasa Melayu dengan baik dan lebih bersistematis.*

*Kata kunci:* Penulisan karangan; kaedah formula; Bahasa Melayu; pembelajaran KV; penguasaan menulis

### ABSTRACT

*The acquisition of essay writing skills holds compulsory significance for all Malaysian Vocational Certificate (SVM) students at Vocational Colleges (KV), as these skills are embedded within the SVM Malay language course curriculum. Generally, students at KV exhibit a range of weak to moderate mastery levels in essay writing, particularly in terms of*

*structuring and organizing essays in a systematic manner. Evidently, lackluster student performance was accentuated when a subset of students failed to respond adequately to essay prompts during the End of Semester Assessment, emerging as a substantial contributor to the failure rates within the Malay language subject. A survey unveiled a deficiency in systematic essay writing proficiency, resulting in student hesitancy and disinterest in addressing essay-related queries. In response, the researcher introduced a formulaic approach to essay writing with the aim of elevating student performance. A sample of 24 students from the Electronics Technology Program was selected randomly to participate in this study. Consequently, a study was conducted employing pre-test and post-test assessments to evaluate the effectiveness of the introduced formulaic approach within the study sample. The gathered data revealed a notable shift in student achievement levels, evidenced by improvements in grades post-intervention and alignment with the prescribed scoring criteria. Initially absent in pre-test outcomes, the attainment of an 'A' grade by the study sample became evident following the post-test, wherein the formulaic approach was integrated into the teaching and learning process. This study establishes that students are capable of proficiently and systematically honing their Malay essay writing skills. Through the implementation of a structured methodology, it becomes apparent that learners can effectively bridge identified gaps, thereby enhancing their overall mastery of the subject matter. Consequently, this research holds implications for pedagogical practices geared towards fostering heightened competency in essay writing among SVM students.*

**Keywords:** *Essay writing; formula method; Malay Language; KV learning; mastery of writing*

#### PENDAHULUAN

Kemahiran menulis karangan merupakan salah satu kemahiran asas yang wajib dikuasai oleh semua pelajar Sijil Vokasional Malaysia (SVM) di Kolej Vokasional. Hal ini seiring dengan Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) Bahasa Melayu yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan Dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV), bahawa pelajar-pelajar SVM di KV masih meneruskan pembelajaran penulisan karangan yang telah digariskan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Kelemahan dalam menguasai kemahiran penulisan karangan akan menyebabkan pelajar memperoleh keputusan yang rendah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sewaktu Penilaian Akhir setiap semester. Hal ini wajar dikaitkan dengan pencapaian akademik pelajar yang semakin merosot sejak

belakangan ini kerana berpunca daripada kelemahan penggunaan kemahiran menulis (Nahar 2020).

Menurut Mat Saad et al. (2021), kemahiran menulis merupakan suatu pembelajaran yang berkesan dalam pelbagai disiplin ilmu. Oleh yang demikian, penulisan karangan yang baik tidak hanya melibatkan aspek kebahasaan, penggunaan kosa kata yang betul dan penggunaan pelbagai jenis peribahasa, malah pelajar seharusnya mahir dalam menyusun frasa dan ayat sewaktu menulis karangan supaya hasilnya lebih sempurna dan layak memperoleh markah yang cemerlang. Untuk itu, pelajar perlu menguasai kemahiran menulis bukan hanya bergantung kepada bakat semata-mata, malah pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan yang bersistem juga perlu dilaksanakan supaya pelajar yang cemerlang dalam penulisan karangan dapat dihasilkan (Jalil 2016).

JADUAL 1. Rumusan Markah Bahasa Melayu Penilaian Akhir Semester Dua Pelajar Program Teknologi Elektronik

Kod & Nama		A12003 Bahasa Melayu	
Skor	Bilangan	Gred Pelajar	
A	0		
A-	0		
B+	1		
B	4		
B-	4		
C+	6		
C	12		
D+	2	Gagal	
D	0		
D-	1		
E	2		
Jumlah	32		

Dalam Penilaian Akhir Semester dua bagi kertas Bahasa Melayu SVM KV, soalan penulisan karangan terletaknya di bahagian akhir soalan iaitu soalan nombor empat. Pengkaji memberi fokus kepada bahagian penulisan kerana kebanyakan pelajar mengalami masalah untuk menghurai karangan dengan bermakna. Masalah ini akan mengakibatkan perolehan markah pelajar sangat rendah dan sekali gus turut menjelaskan markah keseluruhan kertas Bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana, bahagian penulisan karangan memperuntukkan markah yang paling tinggi dalam kesemua bahagian soalan.

Berdasarkan Jadual 1, rumusan Penilaian Akhir semester dua yang diperoleh daripada Jabatan Penilaian dan Pentaksiran Tahun 2022 terdapat lima orang pelajar Program Teknologi Elektronik (ETN) yang gagal dalam mata pelajaran Bahasa Melayu memperolehi D+ kebawah

Untuk itu, bertitik tolak daripada permasalahan inilah pengkaji memikirkan kaedah dan teknik yang lebih mesra untuk pelajar belajar menulis dan menghurai karangan sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini sesuai dengan pendapat Harun, (2016), bahawa guru perlu menggayakan cara berfikir dengan perlu lebih kreatif, inovatif dan berfikiran kritis ketika membuat sebarang keputusan. Justeru, pengkaji telah merancang dan melaksanakan idea dan satu kaedah yang boleh diaplikasikan dalam penulisan karangan. Antaranya ialah kaedah formula

Rasional pengkaji merancang dan melaksanakan kaedah formula ini adalah bertujuan untuk menekankan usaha para pelajar dalam mengembang, menghurai dan mengolah ayat dengan lebih meluas serta bermakna. Formula yang dibina adalah lengkap dengan kerangka pasang siap menulis karangan, sekali gus memberikan panduan kepada pelajar untuk menulis karangan secara tersusun dan sistematik. Bagi memudahkan para pelajar, pengkaji telah menyusun dan mencetak kaedah formula berserta kerangka pasang siap penulisan karangan di dalam Modul Teknik Penulisan Karangan Semester 3.

Formula yang dibina merangkumi ketiga-tiga aspek penulisan karangan iaitu formula K A C U F untuk menghuraikan perenggan pendahuluan, formula A M A C A P untuk menghuraikan perenggan isi dan formula C A K U H untuk menghuraikan perenggan penutup. Setiap perincian formula tersebut turut diterangkan dan dinyatakan dalam modul yang dibina. Oleh yang demikian, formula yang dicipta dan diguna pakai oleh para pelajar seharusnya dapat membantu daya fikir dan minda mereka untuk

berfungsi mencipta ayat-ayat yang lebih baik dan bersesuaian sehingga mampu memperoleh markah yang tinggi dalam Penilaian akhir kelak. Hal ini seiring dengan prinsip teori konstruktivisme iaitu guru berperanan sebagai perancang aktiviti, dan pemudah cara bagi mendorong pelajar menggunakan minda secara aktif, kritis, kreatif dan inovatif demi melahirkan pelajar yang mampu menulis dan menghurai karangan dengan baik (Ikhsan & Ahmad 2014).


#### KAEDAH KAJIAN

#### PESERTA KAJIAN

Seramai 24 orang pelajar Program Teknologi Elektronik dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Kesemua sampel kajian merupakan pelajar yang berusia 16 tahun. Sampel kajian terdiri daripada 15 orang lelaki dan 9 orang perempuan. Mereka juga dikategorikan kepada beberapa kategori pencapaian iaitu sebagai pelajar baik, sederhana, memuaskan dan lemah dalam kemahiran menulis karangan. Oleh sebab sampel kajian kurang menguasai kemahiran penulisan karangan dengan baik terutamanya sewaktu menjawab soalan peperiksaan Penilaian Akhir semester, maka pengkaji berusaha membantu subjek kajian untuk lebih menguasai kemahiran penulisan karangan dengan mengaplikasikan penggunaan kaedah formula sewaktu berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan ini, kelemahan sampel kajian dalam menulis karangan dapat diatasi dan membantu untuk memperoleh keputusan yang memberangsangkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sewaktu Penilaian Akhir semester (L Gunaseran 2016).

#### PELAKSANAAN KAJIAN

Rajah 1 merujuk kepada kaedah pelaksanaan kajian Fasa yang pertama adalah bermula dengan perancangan untuk mewujudkan kaedah formula bagi membantu para pelajar menghurai karangan dengan lebih bermakna. Pembinaan kaedah formula dikhurasukan kepada 3 bahagian penting menghurai karangan iaitu perenggan pendahuluan, perenggan isi dan perenggan penutup. Kaedah ini dibina untuk diaplikasikan sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran.



RAJAH 1. Pelaksana Kajian

Seterusnya, dalam fasa kedua pengkaji telah membuat ketetapan dengan memilih sampel kajian yang akan digunakan sebagai subjek kajian. Oleh yang demikian,

sampel telah dipilih dalam kalangan para pelajar Program Teknologi Elektronik kerana pengkaji mempunyai 4 jam waktu pembelajaran bersama-sama sampel tersebut. Setelah sampel dipilih, pengkaji memulakan kajian dengan menggunakan instrumen ujian pra dan pasca yang bertujuan untuk memastikan pemahaman sampel kajian terhadap kaedah formula adalah baik serta dapat membantu meningkatkan penguasaan menulis karangan dengan lebih sistematis. Setelah ujian pra dan pasca dilaksanakan, markah yang diperoleh dikumpul untuk dijana datanya bagi mengukur sejauh mana keberkesanan penggunaan kaedah formula ini.

Sewaktu ujian pra dan pasca dilaksanakan, pengkaji telah menggunakan soalan karangan berbentuk pilihan sesuai dengan pembelajaran pengajian sampel. Pelaksanaan kajian ini turut membolehkan pengkaji mengukur sejauh mana keberkesanan bahan kajian iaitu kaedah formula yang diaplikasikan oleh sampel kajian sewaktu pembelajaran di dalam kelas mahu pun secara kendiri.

#### Soalan 4.

*"Industri pelancongan negara yang berkembang pesat telah membuka banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat. Oleh itu, kelayakan dari segi akademik amatlah penting untuk diterima bekerja dalam sektor ini. Di samping individu seharusnya melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran. Kemahiran komunikasi adalah antara elemen penting bagi memastikan kelancaran urusan kerja, sama ada komunikasi sesama rakan sekerja mahupun pihak luar. Individu yang ingin bekerja dalam sektor ini juga seharusnya mencari maklumat berkaitan dengan kerjaya ini untuk mengetahui skop kerja dengan lebih luas."*

Sumber: Berita Harian Online, 21 November 2016

- (a) Petikan di atas menerangkan maklumat berkaitan dengan persediaan untuk menempuh alam kerjaya dalam sektor pelancongan. Jelaskan persediaan tersebut.

RAJAH 2 Contoh Soalan Karangan Pilihan

#### BAHAN KAJIAN

Dalam kajian kes ini, bahan kajian yang digunakan oleh pengkaji untuk mengukur prestasi sampel kajian dalam penulisan karangan ialah melalui kaedah formula. Kaedah ini telah disusun oleh pengkaji mengikut akronim yang bersesuaian dengan tahap kecekapan dan kebolehupayaan daya fikir sampel kajian. Kerangka pasang siap juga telah diberikan kepada pelajar untuk mengaplikasikan formula

dengan lebih baik. Hal ini memudahkan sampel kajian untuk menghurai dan mengulas karangan dengan lebih jelas dan bermakna. Sehubungan dengan itu, bagi membantu sampel kajian menghurai karangan dengan lebih bersistem, kaedah formula ini telah diwujudkan kepada 3 bahagian iaitu formula untuk perenggan pendahuluan, formula untuk perenggan isi, dan formula untuk perenggan penutup.

#### Contoh Panduan Menulis Perenggan Isi 1 Menggunakan Formula A,M,A,C,AP

- (A) Sesungguhnya, .....(masukkan fokus soalan).....  
 yang pertama ialah .....(masukkan isi penting) .....
- (M) Hal ini demikian kerana, .....
- (A) Oleh sebab itu, isu ini mengakibatkan .....
- (C) Sebagai contoh , .....
- (AP) Kesimpulannya, jelaslah bahawa .....(isi penting) ..... perlulah  
 (ayat cadangan) ..... agar (ayat harapan dan peribahasa) .....

RAJAH 3. Contoh Kerangka Pasang Siap Menghurai Karangan Berserta Formula

Kaedah formula ini adalah dimulakan dengan formula K A C U F untuk perenggan pendahuluan karangan seperti Jadual 2.

JADUAL 2. Formula K A C U F	
Formula	Penerangan
K	Kedaan negatif/positif (ceritakan kedaan semasa tentang isu karangan dalam stimulus).
A	Akhbar / media massa / poster / laman web (nyatakan ulasan).
C	Contoh (berikan contoh yang berkaitan dengan isu karangan).
U	Ungkapan/ pendapat tokoh / peribahasa / simpulan bahasa.
F	Fokus soalan (nyatakan fokus dan tugasannya).

Seterusnya, formula untuk perenggan menghurai isi karangan seperti Jadual .

JADUAL 3. Formula A M A C A P	
Formula	Penerangan
A	Apakah isi penting (nyatakan isi penting).
M	Akhbar / media massa / poster / laman web (nyatakan ulasan).
A	Akibat (nyatakan akibat yang berlaku – boleh selitkan peribahasa/ungkapan).
C	Contoh (berikan contoh yang berkaitan dengan isi penting).
AP	Ayat penyimpul (simpulkan isi penting dan nyatakan harapan yang berkait dengan isi).

Jadual 4 merujuk kepada formula C|A|K|U|H bagi menulis perenggan penutup, formula diperkenalkan.

JADUAL 4. Formula C A K U H	
Formula	Penerangan
C	Cadangan memantapkan isu (guna kata kunci hendaklah, perlulah, mestilah).
A	Akibat daripada cadangan (usaha) memantapkan isu (akibat baik/faedah/kebaikan/manfaat).
K	kesan buruk / kesan negatif jika tidak dilaksanakan (usaha) tersebut.
U	Ungkapan (kaitkan dengan peribahasa/ simpulan bahasa/ slogan/ pendapat tokoh).
H	Harapan (guna kata kunci agar/ supaya).

#### Teknik Penulisan Bahasa Melayu Semester 3

#### PERENGGAN PENDAHULUAN

Formula mengembangkan maklumat perenggan pendahuluan karangan pilihan

Formula Pendahuluan Karangan K A C I U F	
<b>K</b>	Kedaan (ceritakan keadaan atau suasana semasa/terkini yang berlaku dan ada kaitan dengan isu/tema)
<b>A</b>	Akhbar (Berita/bukti media massa yang boleh dikaitkan dengan isu seperti surat khabar, laman sesawang, majalah, jurnal)
<b>C</b>	Contoh yang boleh dikaitkan dengan bukti daripada akhbar/media massa.
<b>I</b>	Ungkapan (Selitkan ungkapan – peribahasa – kata-kata tokoh – simpulan bahasa - kata-kata menarik – Slogan yang boleh dikaitkan dengan isu/tema)
<b>F</b>	Fokus soalan (Tulis persoalan dan kehendak fokus (cari fokus soalan menggunakan KKF yang terdapat dalam arahan soalan

RAJAH 4. Contoh Perincian dan Penerangan Formula Salah Satu Perenggan Karangan

## DAPATAN KAJIAN

Data yang diperoleh adalah berdasarkan ujian pra dan pasca yang dilaksanakan oleh pengkaji kepada sampel kajian. Ujian ini adalah bertujuan untuk mengukur sejauh mana keberkesanan penggunaan kaedah formula yang diaplikasikan oleh sampel kajian dalam pengajaran dan


pembelajaran. Jadual 5 menunjukkan skor markah yang digunakan untuk menentukan gred dalam ujian pra dan pasca yang dilaksanakan. Tahap pencapaian juga disenaraikan mengikut skor markah ujian berserta gred yang dicapai oleh sampel kajian. Pengkaji telah merujuk Sistem Gred SVM Kolej Vokasional. Manakala graf 1 menunjukkan pencapaian berdasarkan gred yang diperoleh oleh sampel kajian dalam ujian pra dan pasca.

JADUAL 5. Skor Markah Ujian Pra dan Pasca

Skor Markah Ujian	Gred	Tahap Pencapaian
80% - 100%	A , A-	Cemerlang
60% - 79%	B+, B, B-	Kepujian
50% - 59%	C+, C	Lulus
0% - 49%	D+, D, D-, E	Gagal

Rajah 4 menunjukkan pencapaian sampel kajian dalam ujian pra dan pasca berdasarkan gred yang diperoleh. Mengikut data ujian pra yang dianalisis, jumlah bilangan sampel kajian memperoleh skor markah ujian antara 80%

hingga 100%. Namun, setelah ujian pasca dilalui dengan menggunakan kaedah formula, terdapat 4 orang sampel kajian telah mencapai gred A dan A- iaitu memperoleh skor markah antara 80% hingga 100%.



RAJAH 5. Pencapaian Ujian Pra dan Pasca Berdasarkan Gred

Bagi kumpulan gred B+, B dan B- pula, tahap kefahaman sampel kajian adalah kepujian. Hal ini boleh dilihat dalam jadual 1, skor markah ujian pra untuk tahap pencapaian kepujian adalah antara 60% hingga 79%. Sebanyak 5 orang sampel kajian telah memperoleh gred ini. Manakala, bagi data ujian pasca pula, sampel kajian yang memperoleh gred B+, B dan B- bagi tahap pencapaian kepujian adalah sebanyak 3 orang iaitu dari 60% skor markah hingga 79%. Hal ini menunjukkan perubahan data apabila 2 orang sampel kajian yang memperoleh gred B semasa ujian pra telah meningkat prestasinya dan mencapai gred A semasa ujian pasca.

Seterusnya, data bagi sampel kajian yang memperoleh gred C+, C dan C- iaitu skor markah antara 50% hingga 59% turut menunjukkan perubahan. Terdapat 2 orang sampel kajian yang memperoleh tahap pencapaian lulus semasa ujian pra dilaksanakan tanpa menggunakan kaedah formula. Namun, setelah ujian pasca dilaksanakan oleh pengkaji, terdapat 2 orang penambahan sampel kajian dalam gred C+, C dan C- yang menjadikan jumlah keseluruhannya adalah sebanyak 4 orang. Peningkatan ini boleh dilihat daripada pengurangan jumlah sampel kajian yang mendapat gred D+, D, D- dan E setelah ujian pasca dilaksanakan.

Bagi data kumpulan gred D+, D, D- dan E, tahap pencapaian yang disenaraikan adalah gagal dan skor markahnya adalah antara 0% hingga 49%. Sebanyak 17 orang sampel kajian mendapat tahap gagal apabila ujian pra dilakukan. Namun, setelah pengkaji membuat ujian pasca, terdapat 13 orang yang kekal memperoleh gred markah antara D+, D, D- dan E. Walau pun kekal memperoleh gred seperti berikut, terdapat beberapa orang pelajar yang beralih gred dari E ke D+, D dan D-. Kesimpulannya, data kajian ini menunjukkan peningkatan markah dan prestasi gred sampel kajian setelah pengkaji melaksanakan kaedah formula dalam penulisan karangan sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran.

#### KESIMPULAN

Keberkesanan kaedah formula yang dilaksanakan oleh pengkaji dapat diukur melalui dapatan kajian yang melibatkan skor markah, gred dan tahap pencapaian sampel kajian. Kajian ini dijalankan berdasarkan ujian pra dan pasca yang dilaksanakan dalam tempoh satu bulan setelah pelajar mengaplikasikan kaedah formula dalam penulisan karangan mereka.. Berdasarkan data yang telah dianalisis dan telah diuraikan secara terperinci, dapat dinyatakan bahawa kaedah formula yang telah digunakan adalah amat berkesan dalam meningkatkan penguasaan kemahiran pelajar untuk menulis dan menghurai karangan dengan lebih bermakna dan sistematik. Hal ini demikian kerana terdapat peningkatan gred yang diperoleh pelajar setelah ujian pasca dilaksanakan. Peningkatan pencapaian ini telah membuktikan bahawa, intervensi yang dijalankan oleh pengkaji mampu memberikan kesan positif terhadap penguasaan kemahiran penulisan karangan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.

#### PENGHARGAAN

Penulis berterima kasih kepada Kumpulan Penyelidikan Universiti Dinamika TVET, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia atas sokongan penyelidikan ini.

#### PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN BERSAING

Tiada.

#### RUJUKAN

- Ikhwan, S. A. H., & Ahmad, S. 2014. Kontrak sosial dalam pengajaran dan pembelajaran lisan: Tinjauan terhadap perspektif pelajar. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.249>
- Jalil, A. G. 2016. Tingkah laku dan proses semasa menulis karangan respons terbuka murid berprestasi rendah. *Proceedings of The ICECRS* 1(1). <https://doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.637>
- L. Gunaseraran, G. N. A. 2016. Meningkatkan kemahiran memodifikasi karangan jenis keperihalan kepada laporan menggunakan teknik penjelmaan. *Proceedings of The ICECRS* 1(1). <https://doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.654>
- Mat Saad, N. S., Puteh-Behak, F., Abdullah, N., Ahmad Mahir, N., Selamat, S., Zakaria, Z. A., Baharun, H., Darmi, R., & Sulaiman, S. 2021. Paragraph composition via ‘carousel with a destination’: A CSR project with year 5 students. *Sains Insani*, 6(2). <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no2.299>
- Nahar, N. 2020. Penguasaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). *Issues in Language Studies*, 9(1): 107–123. <https://doi.org/10.33736/ils.2223.2020>
- Safiah binti Harun, & Safiah Harun. 2016. Pelajar bahasa melayu dalam kelas inklusif: Satu kajian kes. *Jurnal Penyelidikan DediKasi* 10.